

Siri Monograf
Banci Penduduk
Population
Census Monograph
Series
No. 1

PEMBANDARAN DAN PERTUMBUHAN BANDAR DI MALAYSIA
URBANISATION AND URBAN GROWTH IN MALAYSIA

Khoo Soo Gim dan Kate Van Kit Yee

Pandangan yang terkandung di dalam laporan ini adalah pandangan penulis-penulis dan tidak semestinya mewakili pandangan rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia.

The views contained in this report are those of the authors and do not necessarily represent the official views of the Department of Statistics, Malaysia.

JABATAN PERANGKAPAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA
KUALA LUMPUR



KATA PENGANTAR

Siri monograf ini diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan bertujuan untuk membekalkan para pengguna dengan hasil penyelidikan yang dijalankan oleh Jabatan. Matlamat utama penerbitan ialah untuk memberikan gambaran dan interpretasi data perangkaan yang lebih terperinci daripada Banci Penduduk dan Perumahan 1991 selain daripada apa yang dapat dikeluarkan dalam laporan-laporan rasmi banci.

Laporan **Pembangunan dan Pertumbuhan Bandar di Malaysia** membentangkan penemuan-penemuan pertumbuhan penduduk di kawasan-kawasan bandar di Malaysia. Pengenalpastian komponen-komponen pertumbuhan bandar boleh menyumbang ke arah pemahaman yang lebih jelas mengenai proses-proses di sebalik kadar pembangunan yang pesat dialami di Malaysia. Kajian ke atas pembangunan dan pertumbuhan bandar juga boleh memberikan input penting kepada pelbagai aspek penggubalan dasar dan perancangan bandar. Laporan ini merupakan hasil daripada analisis terperinci tentang pembangunan dan pertumbuhan bandar di Malaysia berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada Banci Penduduk dan Perumahan 1980 dan 1991. Pertumbuhan penduduk bagi kawasan-kawasan bandar di beberapa negeri serta kawasan-kawasan metropolitan utama terpilih juga diterangkan.

Segala pandangan yang terdapat dalam laporan ini merupakan pandangan penulis semata-mata dan tidak semestinya mewakili pandangan rasmi Jabatan Perangkaan.

SHAARI BIN ABDUL RAHMAN

Pem. Ketua Perangkawan,
Malaysia.

Mac 1996

KANDUNGAN

	Halaman
Kata Pengantar	iii
Senarai Jadual	vi
Senarai Rajah	viii
Bab	
1. Pengenalan	1
2. Definisi dan konsep yang digunakan dalam banci-banci penduduk di Malaysia	3
3. Arah aliran dan paras pemandaran secara keseluruhan	5
4. Komponen-komponen pertumbuhan penduduk bandar	13
5. Penduduk bandar mengikut kelas saiz	19
6. Bandar-bandar metropolitan di Malaysia	23
7. Kesimpulan	30
Bibliografi	31

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 3.1: Paras pembandaran, pertumbuhan penduduk bandar dan tempo pembandaran mengikut kawasan, Malaysia	6
Jadual 3.2: Paras pembandaran mengikut negeri, Malaysia, 1970, 1980 dan 1991	9
Jadual 3.3: Tempo pembandaran mengikut negeri, Malaysia 1970-1991	11
Jadual 4.1: Perubahan penduduk dalam kawasan bandar, Malaysia 1980-1991	13
Jadual 4.2: Komponen-komponen pertumbuhan penduduk bandar, Semenanjung Malaysia, 1947-1991	14
Jadual 4.3: Komponen-komponen pertumbuhan penduduk bandar mengikut subsektor, Semenanjung Malaysia, 1970-1980, dan 1980-1991	16
Jadual 4.4: Aliran migrasi mengikut subsektor, Semenanjung Malaysia, 1986-1991	17
Jadual 4.5: Komponen-komponen pertumbuhan penduduk bandar mengikut negeri, Semenanjung Malaysia, 1980-1991	18
Jadual 5.1: Perbandingan bilangan pusat bandar mengikut kelas saiz penduduk, Malaysia, 1980 dan 1991	19

Jadual 5.2:	Pusat bandar mengikut kelas saiz penduduk, Malaysia, 1980 dan 1991	20
Jadual 5.3:	Taburan pusat bandar mengikut kelas saiz penduduk dan negeri, Malaysia, 1991	21
Jadual 6.1:	Susunan pemangkatan bandar-bandar metropolitan, Malaysia, 1991	23
Jadual 6.2:	Indeks Primasi bagi bandar-bandar metropolitan utama, Malaysia, 1980 dan 1991	25
Jadual 6.3:	Penduduk dan kadar perubahan bagi bandar-bandar metropolitan utama, Semenanjung Malaysia, 1911 hingga 1991	26
Jadual 6.4:	Komponen-komponen pertumbuhan penduduk bagi bandar-bandar metropolitan utama, Semenanjung Malaysia, 1970-1980 dan 1980-1991	28
Jadual 6.5:	Komponen-komponen pertumbuhan penduduk bagi bandar-bandar metropolitan utama mengikut subsektor, Semenanjung Malaysia, 1980-1991	29

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 3.1: Taburan penduduk mengikut strata, Malaysia, 1970, 1980 dan 1991	7
Rajah 3.2: Susunan pemangkatan paras pembandaran mengikut negeri, Malaysia, 1980 dan 1991	10
Rajah 4.1: Komponen-komponen bagi pertumbuhan penduduk bandar, Semenanjung Malaysia, 1947-1991	15
Rajah 6.1: Susunan pemangkatan bandar-bandar metropolitan, Malaysia, 1991	24

KONVENSI YANG DIGUNAKAN

- * kurang daripada setengah unit terkecil yang ditunjukkan
- kosong
- : tidak berkenaan
- .. tidak diperoleh

BAB I

PENGENALAN

- 1.1 Pemandangan dan pertumbuhan bandar merupakan fenomena-fenomena yang semakin mendapat perhatian perancang dan penggubal dasar oleh kerana arah aliran dan pola pembangunan mempunyai implikasi yang luas kepada pembangunan sosioekonomi. Dalam dekad yang lalu, ukuran dan pola pertumbuhan bandar di Malaysia telah berubah secara berterusan dan mendadak sekali. Sebagaimana di kebanyakan negara lain, pertumbuhan penduduk bandar di Malaysia telah menjadi begitu pesat berbanding dengan penduduk di kawasan luar bandar. Takat pertumbuhan di sesetengah pusat bandar bukan sahaja dapat dilihat dalam lingkungan sempadannya yang sah, bahkan telah membawa kepada limpahan penduduk hingga ke kawasan persekitarannya. Keadaan sedemikian terjadi disebabkan oleh dua faktor penting. Pertama, kewujudan peluang pekerjaan yang banyak membawa kepada penghijrahan penduduk luar bandar yang membuat penempatan baru di persekitaran kawasan bandar dan kedua, pergerakan penduduk dari kawasan yang sesak dan padat di pusat bandar ke pinggir sempadan bandar.
- 1.2 Perubahan penduduk bandar terjadi hasil daripada interaksi fenomena kawasan dan fenomena demografi. Fenomena kawasan yang mempengaruhi perubahan penduduk ialah pengelasan semula kawasan-kawasan bandar seperti meningkatkan taraf lokaliti-lokaliti luar bandar kepada strata bandar, penambahan kawasan kepada pusat-pusat bandar yang tersedia serta perubahan sempadan bagi pusat-pusat bandar. Ia juga mungkin termasuk, seperti dalam kes Malaysia, perubahan dalam definisi kawasan bandar. Fenomena demografi yang mempengaruhi perubahan penduduk pula ialah pertambahan semulajadi dan migrasi.
- 1.3 Dengan menggunakan data banci penduduk, laporan ini menilai perubahan arah aliran dan paras pembangunan di Malaysia. Usaha juga telah dibuat bagi mengenal pasti pelbagai komponen pertumbuhan bandar yang boleh menyumbang ke arah pemahaman yang lebih jelas kepada proses-proses di sebalik kadar pembangunan yang begitu pesat di negara ini. Laporan ini juga memberi penekanan kepada definisi baru kawasan bandar yang telah digunakan dalam Banci Penduduk 1991 yang merupakan titik perubahan kepada kajian tentang pembangunan di Malaysia.

1.4 Lima bab dibentangkan dalam laporan ini, setiap satunya menumpukan perhatian kepada aspek-aspek pemandaran dan pertumbuhan bandar yang berbeza. Bab 2 membuat penelitian kepada definisi dan konsep yang digunakan dalam banci-banci penduduk di Malaysia dan memberikan penekanan kepada definisi baru bagi kawasan bandar yang digunakan dalam Banci Penduduk dan Perumahan tahun 1991. Bab 3 membincangkan arah aliran dan paras pemandaran keseluruhan, sementara Bab 4 cuba mengenal pasti komponen-komponen pertumbuhan penduduk bandar. Dua bab yang terakhir memberikan penekanan kepada hierarki kelas saiz penduduk kawasan bandar dengan tumpuan kepada pertumbuhan beberapa pusat bandar metropolitan utama terpilih di negara ini.

BAB 2

DEFINISI DAN KONSEP YANG DIGUNAKAN DALAM BANCI-BANCI PENDUDUK DI MALAYSIA

- 2.1. Sebelum Banci Penduduk 1970, definisi kawasan bandar yang digunakan dalam banci penduduk adalah merujuk kepada kawasan yang diwartakan, yang terdiri daripada unit pentadbiran tempatan dengan penduduk 1,000 orang atau lebih. Kawasan yang diwartakan ini pada dasarnya dikelaskan berasaskan kepada ciri-ciri bandarnya, setiap satunya tertakluk di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan. Walau bagaimanapun untuk Banci 1970 dan seterusnya Banci 1980, kriteria penduduk minimum untuk kawasan yang diwartakan sebagai kawasan bandar, telah dinaikkan kepada 10,000 orang. Definisi ini mencerminkan paras pembandaran yang lebih realistik memandangkan kawasan penempatan yang saiz penduduknya di bawah angka tersebut selalunya menunjukkan ciri-ciri sosioekonomi luar bandar. Selain itu, ukuran penduduk bandar dengan bilangan penduduk 1,000 orang akan memberikan penekanan yang berlebihan terhadap darjah pembandaran di negara ini.

- 2.2. Dengan adanya Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (Akta 171) di Semenanjung Malaysia, yang membawa kepada penyusunan semula pihak-pihak berkuasa tempatan, senario paras pembandaran telah berubah secara mendadak. Akta ini mengakibatkan wujudnya perluasan sempadan bandar yang memasukkan kawasan yang mempamerkan ciri-ciri luar bandar ke dalam kawasan yang telah diwartakan, sehingga menimbulkan kesan persempadanan yang berlebihan (*overbounding*) kepada kawasan bandar. Sebaliknya, pengabaian kepada penyusunan semula ini, mengakibatkan persempadanan yang kurang (*underbounding*) bagi kawasan bandar kerana proses perkembangannya tidak diambil kira. Masalah yang sama juga berlaku dengan penyusunan semula pihak-pihak berkuasa tempatan di bawah Ordinan Kerajaan Tempatan 1961 di Sabah dan Ordinan Kerajaan Tempatan 1977 di Sarawak. Untuk menggambarkan keadaan pembandaran yang lebih realistik, kawasan yang mempunyai persempadanan bandar yang berlebihan telah diubahsuai dalam Banci 1991. Dengan perubahan ini, satu definisi baru perlu dibentuk bagi kawasan bandar yang lebih bercorak statistik dan bukannya definisi yang berasaskan kepada kawasan yang diwartakan.

- 2.3 Justeru itu, dalam Banci Penduduk 1991, satu definisi baru kawasan bandar telah diperkenalkan bagi menggambarkan paras pembandaran yang lebih realistik. Definisi ini telah dibentuk setelah beberapa kajian terperinci dibuat bagi mengenal pasti ciri-ciri yang sesuai digunakan untuk menentukan kawasan bandar.
- 2.4 Hasilnya, definisi kawasan bandar seperti yang telah digunakan dalam Banci tahun 1991, merujuk kepada kawasan yang diwartakan beserta kawasan tepubina yang bersempadan dengannya dengan gabungan kedua-duanya mempunyai jumlah penduduk 10,000 atau lebih semasa Banci 1991. Kawasan tepubina ditakrifkan sebagai kawasan yang terletak bersebelahan kawasan yang diwartakan dan mempunyai sekurang-kurangnya 60 peratus penduduk (berumur 10 tahun dan lebih) yang terlibat di dalam aktiviti bukan pertanian dan sekurang-kurangnya 30 peratus unit perumahan mempunyai kemudahan tandas moden. Bagaimanapun, beberapa pengecualian telah dibuat ke atas definisi tersebut, iaitu kawasan-kawasan diwartakan yang meliputi keseluruhan daerah pentadbiran dan kawasan-kawasan diwartakan yang terletak di kedua-dua belah jalan raya utama yang menghubungkan bandar-bandar yang sedia ada. Bagi pengecualian-pengecualian di atas, kawasan-kawasan diwartakan sebelum pelaksanaan penyusunan semula pihak-pihak berkuasa tempatan di bawah Akta/Ordinan Kerajaan Tempatan masing-masing di Malaysia, serta kawasan tepubina yang bersebelahan dengannya di mana gabungan kedua-duanya mempunyai penduduk seramai 10,000 orang atau lebih adalah dikelaskan sebagai kawasan bandar.

BAB 3

ARAH ALIRAN DAN PARAS PEMBANDARAN SECARA KESELURUHAN

- 3.1 Sejarah pola dan paras pembandaran di Malaysia adalah lebih bertepatan dikaji dengan meneliti tiga kawasan, iaitu Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Ini adalah akibat daripada kesediaan data yang berbeza-beza di antara ketiga-tiga kawasan tersebut. Di Semenanjung Malaysia data telah sedia ada sejak tahun 1911 lagi sementara di Sabah sejak tahun 1951 dan bagi Sarawak dari tahun 1947. Banci Penduduk 1970 merupakan banci pertama yang dijalankan di seluruh negara serentak di ketiga-tiga kawasan di Malaysia. Oleh yang demikian, perbandingan siri masa di peringkat Malaysia hanya boleh dibuat bagi tahun-tahun banci 1970, 1980 dan 1991.
- 3.2 Akibat daripada perbezaan nilai ambang penduduk yang digunakan untuk mendefinisikan kawasan bandar di antara banci berbeza-beza, maka data sebelum Banci 1970 telah disesuaikan bagi menggambarkan saiz kebiasaan penduduk bandar pada tahap 10,000 orang atau lebih. Penyesuaian ini dilakukan adalah untuk mengkaji perubahan-perubahan dalam paras dan arah aliran pembandaran yang berlaku mengikut masa (Jadual 3.1).
- 3.3 Sebagai tambahan, data tahun 1980 bagi kawasan bandar telah disesuaikan untuk mengambil kira kawasan tambahan yang tidak dimasukkan semasa penyediaan Banci 1980 akibat kelewatan pemberitahuan tentang kawasan tambahan tersebut oleh pihak berkuasa tempatan. Oleh itu, paras pembandaran tahun 1980 yang terdapat dalam laporan ini berbeza sedikit daripada yang telah diterbitkan dalam laporan rasmi Banci tahun tersebut. Kadar-kadar yang telah diterbitkan dalam laporan rasmi Banci ditunjukkan dalam kurungan di Jadual 3.1.

Jadual 3.1: Paras pembedaran, pertumbuhan penduduk bandar dan tempo pembedaran mengikut kawasan, Malaysia*

Tahun	Peratusan penduduk di kawasan bandar	Kadar pertumbuhan penduduk tahunan purata antara banci (peratus)	Tempo pembedaran (peratus)
Semenanjung Malaysia			
1911	10.7	1	1
1921	14.0	4.9	2.7
1931	15.1	3.3	0.7
1947	18.9	3.1	1.4
1957	26.5	5.8	3.4
1970	28.8	3.2	0.6
1980	39.1 (37.2)	5.2 (4.7)	3.1 (2.6)
1991	54.3	5.3 (5.8)	3.0 (3.5)
Sabah			
1951	7.8	1	1
1960	13.4	9.4	5.9
1970	16.5	5.7	2.1
1980	20.6	6.0	2.2
1991	33.7	10.2	4.5
Sarawak			
1947	6.9	1	1
1960	12.6	6.9	4.6
1970	15.5	4.8	2.1
1980	18.0	3.9	1.5
1991	37.5	9.3	6.7
Malaysia			
1970	26.8	1	1
1980	35.8 (34.2)	5.2 (3.0)	2.9 (2.4)
1991	50.7	5.8 (6.2)	3.2 (3.6)

Nota: + Untuk tujuan perbandingan, had penduduk minimum telah disesuaikan kepada 10,000 orang di mana-mana yang boleh dipakai untuk mendefinisikan kawasan bandar.


** Termasuk Wilayah Persekutuan Labuan.

Nota kaki: Angka-angka di dalam kurungan merujuk kepada data yang telah dikeluarkan lebih awal dalam laporan-laporan rasmi banci.

- 3.4 Di antara tahun 1970 dan 1991, penduduk bandar di Malaysia meningkat hampir dua kali ganda: peratusannya meningkat daripada 26.8 peratus dalam tahun 1970 kepada 50.7 peratus dalam tahun 1991. Namun begitu, peningkatan penduduk bandar adalah lebih ketara sepanjang tempoh 1980-1991. Peningkatan paras pembedaran yang tinggi di antara tempoh 1980-1991 iaitu daripada 35.8 peratus kepada 50.7 peratus adalah

sebahagian besarnya disebabkan oleh penggunaan definisi baru kawasan bandar pada tahun 1991, di mana kawasan tepubina yang mempunyai ciri-ciri bandar telah diambil kira (Rajah 3.1).

Rajah 3.1: Taburan penduduk mengikut strata, Malaysia, 1970, 1980 dan 1991



3.5 Akibat daripada kadar pembangunan ekonomi yang berbeza-beza di antara ketiga-tiga kawasan di Malaysia, maka didapati pula perbezaan pada tahap pembandaran. Sepanjang tempoh 1911-1991, perkadaran penduduk bandar di Semenanjung Malaysia telah meningkat daripada 10.7 peratus kepada 54.3 peratus dalam tempoh 80 tahun tersebut. Keadaan yang sama juga berlaku di Sabah yang mana perkadarannya meningkat daripada 7.8 peratus dalam tahun 1951 kepada 33.7 peratus pada tahun 1991 dan di Sarawak, daripada 6.9 peratus dalam tahun 1947 kepada 37.5 peratus dalam tahun 1991.

- 3.6 Kelainan dalam kadar pertumbuhan penduduk bandar memberikan satu lagi dimensi tentang sifat perubahan paras pembedaran mengikut masa. Satu penunjuk yang sering digunakan untuk mengukur pertumbuhan penduduk bandar ialah tempo pembedaran, iaitu satu ukuran tentang perbezaan di antara kadar pertumbuhan penduduk bandar dan kadar pertumbuhan penduduk keseluruhannya. Kadar pertumbuhan penduduk bandar dan tempo pembedaran di sepanjang tempoh antara banci dan bagi setiap tahun banci boleh dilihat dalam Jadual 3.1.
- 3.7 Secara amnya, pertumbuhan penduduk bandar di Semenanjung Malaysia sebelum Perang Dunia Kedua adalah terutamanya disebabkan oleh pertumbuhan industri bijih timah dan getah yang telah menarik minat imigran dari luar negara ke negara ini. Selepas peperangan, iaitu sepanjang tempoh antara banci 1947-1957 telah menyaksikan satu peningkatan yang mendadak di dalam kadar pertumbuhan tahunan purata penduduk bandar, yang mana telah meningkat kepada 5.8 peratus daripada 3.1 peratus bagi tempoh antara banci 1931-1947 yang lalu. Keadaan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh penempatan semula penduduk dari kawasan terpencil di luar bandar ke kawasan bandar yang lebih selamat sewaktu berlakunya darurat bagi membendung pemberontakan komunis di negara ini pada tahun 1948. Akibat peningkatan ini, tempo pembedaran turut meningkat dengan cepat iaitu daripada 1.4 peratus kepada 3.4 peratus. Pertumbuhan penduduk bandar yang rendah secara relatifnya dalam tempoh 1957-1970, iaitu sebanyak 3.2 peratus adalah disebabkan oleh pemulihan semula keadaan selepas Malaysia mencapai kemerdekaan daripada pihak British.
- 3.8 Sebaliknya di Sabah, tempo pembedarannya telah meningkat dengan mendadak sekali bagi tempoh 1951-1960. Ini disebabkan oleh peningkatan dalam bilangan imigran yang terbabit dalam aktiviti perniagaan di kawasan bandar di negeri tersebut. Turut memberi sumbangan dalam peningkatan yang mendadak ini adalah perluasan kepada persempadanan kawasan bandar di Sabah banyak dilakukan dalam tempat tersebut. Di Sarawak walaupun terdapat peningkatan yang tinggi dalam tempo pembedaran bagi tempoh 1947-1960, namun sebabnya adalah berbeza. Peningkatan yang mendadak pada paras pembedaran di Sarawak sepanjang tempoh tersebut adalah disebabkan oleh pemulihan semula keadaan selepas berlakunya kemerosotan industri minyak dan perlombongan emas semasa pendudukan Jepun dalam Perang Dunia Kedua.


- 3.9 Bermula dari tahun 1970an, kadar pertumbuhan tahunan purata penduduk bandar dan tempo pembandaran bagi ketiga-tiga kawasan di Malaysia telah meningkat. Tahap pertumbuhan bandar yang cukup tinggi di sepanjang tempoh antara banci 1980-1991 bagi ketiga-tiga kawasan tersebut sebahagian besarnya disebabkan oleh perubahan definisi bandar yang digunakan dalam tahun 1991. Walau bagaimanapun, apabila satu definisi yang standard antara Banci 1980 dan 1991 digunakan, maka senarionya berbeza sedikit. Keadaan ini boleh dilihat di dalam perbincangan selanjutnya.
- 3.10 Jadual 3.2 dan Jadual 3.3 menunjukkan paras dan tempo pembandaran untuk setiap negeri di Malaysia pada Banci tahun 1970, 1980 dan 1991. Dalam tahun 1991, hampir semua negeri di Malaysia, kecuali Perlis dan Pahang mempunyai sekurang-kurangnya satu pertiga daripada penduduknya tinggal di kawasan bandar. Selain dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang juga ibu negara, negeri Selangor adalah negeri yang tertinggi peratus pembandarannya iaitu 75.3 peratus diikuti oleh Pulau Pinang dengan 75.0 peratus penduduknya tinggal di kawasan bandar. Rajah 3.2 menunjukkan susunan paras pembandaran bagi negeri-negeri di Malaysia pada Banci 1980 dan 1991.

Jadual 3.2: Paras pembandaran mengikut negeri, Malaysia, 1970, 1980 dan 1991

Negeri	Peratusan penduduk bandar				
	1970	1980		1991	
		Definisi 1970/1980	Definisi 1991	Definisi 1970/1980	Definisi 1991
Johor	26.3	35.2	37.5	32.1	47.8
Kedah	12.6	22.5	23.0	22.1	32.5
Kelantan	15.1	28.1	28.3	28.7	33.5
Melaka	25.1	23.8	27.2	17.9	38.7
Negeri Sembilan	21.6	32.6	35.9	33.5	42.0
Pahang	19.0	26.1	26.7	25.9	39.4
Perak	27.5	33.8	36.4	36.7	53.6
Perlis	-	8.9	8.9	7.8	26.6
Pulau Pinang	51.0	47.5	56.1	39.5	75.0
Sabah	16.9	19.9	24.4	23.9	33.2
Sarawak	15.5	18.0	23.9	24.5	37.5
Selangor	9.5	40.9	46.3	49.4	75.2
Terengganu	27.0	42.9	42.9	36.9	44.5
Wilayah Persekutuan					
- Kuala Lumpur	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0
- Labuan	-	46.3	46.3	48.4	48.4
Malaysia	26.8	35.8	38.8	36.3	50.7

3.11 Di antara Banci 1970 dan 1980, sebilangan negeri seperti Selangor dan Terengganu telah menunjukkan peningkatan paras pembandaran yang ketara. Di Selangor, hasil peningkatan bilangan bandar-bandar adalah terutamanya disebabkan oleh pertumbuhan ekonomi negeri tersebut. sementara Terengganu pula sebahagian besarnya disebabkan oleh perluasan sempadan-sempadan pentadbiran bagi kawasan bandarannya.

Rajah 3.2: Susunan pemangkatan paras pembandaran mengikut negeri, Malaysia, 1980 dan 1991



3.12 Jadual 3.2 selanjutnya menjelaskan bahawa sekiranya tidak ada perubahan definisi, iaitu dengan menggunakan definisi tahun 1980 paras pembandaran di Malaysia pada tahun 1991 adalah cuma 36.3 peratus. Ini menunjukkan peningkatan hanya sebanyak 0.5 mata peratus dalam tempoh sebelas tahun yang lalu. Ia seolah-olah tidak realistik dan tidak setara dengan proses pembangunan yang berlaku di Malaysia dalam tempoh tersebut. Pada hakikatnya, terdapat sebilangan negeri menunjukkan paras pembandaran yang menurun, jika definisi tersebut tidak diubah mengikut definisi tahun 1991.

Sebaliknya, jika definisi tahun 1991 digunakan untuk Banci 1980, paras pembandaran pada tahun 1980 adalah 39 peratus, iaitu berbeza sebanyak 3 mata peratus di antara kedua-dua definisi kawasan bandar tersebut. Negeri yang menunjukkan perubahan terbesar jika definisi baru itu digunakan kepada banci tahun 1980 adalah Pulau Pinang yang mana meningkat sebanyak 8.6 mata peratus, iaitu daripada 47.5 peratus kepada 56.1 peratus.

- 3.13 Sepanjang tempoh 1980 - 1991, dengan menggunakan definisi tahun 1991 bagi kawasan bandar untuk kedua-dua banci tersebut, penduduk bandar meningkat pada kadar yang lebih cepat iaitu 5.1 peratus berbanding dengan jumlah penduduk secara keseluruhannya (2.6 peratus) seperti yang ditunjukkan di Jadual 3.3. Bagaimanapun, perbandingan kadar pertumbuhan kawasan bandar dalam tempoh antara banci yang lalu menunjukkan bahawa tempo pembandaran sebenarnya telah menurun sedikit, iaitu daripada 2.9 peratus bagi tempoh 1970-1980 kepada 2.5 peratus bagi tempoh 1980-1991.

Jadual 3.3: Tempo pembandaran mengikut negeri, Malaysia, 1970-1991

Negeri	Kadar pertumbuhan tahunan purata (peratus)				Tempo pembandaran (peratus)	
	Penduduk bandar		Jumlah penduduk		1970-1980	1980-1991*
	1970-1980	1980-1991*	1970-1980	1980-1991		
Johor	5.1	4.7	2.1	3.5	3.0	2.2
Kedah	7.9	4.9	1.2	1.7	5.8	3.2
Kelantan	8.5	4.5	2.3	2.9	6.2	1.6
Melaka	0.5	4.3	1.0	1.1	-0.5	3.2
Negeri Sembilan	5.5	3.5	1.4	2.1	4.1	1.4
Pahang	7.4	4.0	4.2	2.8	3.2	1.2
Perak	3.1	4.2	1.1	0.7	2.9	3.5
Perlis	†	12.1	1.8	2.2	†	9.9
Pulau Pinang	0.8	4.2	1.5	1.5	-0.7	2.7
Sabah	5.4	8.5	3.8	5.7	1.6	2.8
Sarawak	3.9	6.9	2.4	2.6	1.5	4.1
Selangor	18.3	8.7	3.7	4.3	14.6	4.4
Terengganu	7.2	3.8	2.6	3.4	4.6	0.4
Wilayah Persekutuan						
- Kuala Lumpur	3.5	2.0	†	2.0	†	0.0
- Labuan	†	7.0	4.3	6.5	†	0.5
Malaysia	5.2	5.1	2.3	2.6	2.9	2.5

Nota: * Berasaskan kepada definisi kawasan bandar tahun 1991.

- 3.14 Dari segi pertumbuhan penduduk bandar, Perlis, Selangor dan Sabah merupakan negeri-negeri yang mencatatkan kadar pertumbuhan yang tertinggi di antara tempoh 1980 dan 1991, seperti yang dapat dilihat di Jadual 3.3. Peningkatan penduduk bandar di negeri-negeri ini adalah disebabkan oleh kemasukan migran di dalam negara dan migran antarabangsa ke pusat-pusat bandar serta ke kawasan tepubina yang bersempadan dengan bandar teras. Perbezaan yang besar dalam paras pemandaran di antara kedua-dua definisi bagi kawasan bandar yang dapat diperhatikan di setiap negeri tersebut akan dibincangkan dalam komponen-komponen pertumbuhan penduduk bandar yang dibentangkan dalam laporan ini selanjutnya.
- 3.15 Negeri yang mencatatkan tempo pemandaran yang tertinggi bagi tempoh 1980-1991 ialah Perlis iaitu sebanyak 9.9 peratus. Ini diikuti oleh negeri Selangor dengan 4.4 peratus. Tempo pemandaran yang pesat di negeri Selangor disebabkan oleh pembangunan ekonomi yang pesat di negeri tersebut yang menjadi daya tarikan kepada sebahagian besar migran, khususnya ke kawasan bandar dan juga oleh peningkatan yang ketara bilangan pekan-pekan di dalam kawasan bandar.

BAB 4

KOMPONEN-KOMPONEN PERTUMBUHAN PENDUDUK BANDAR

- 4.1 Perubahan di dalam paras pembedaran dan pertumbuhan bandar adalah disebabkan oleh interaksi dua fenomena utama, iaitu pengelasan semula kawasan dan perubahan demografi. Huraian tentang pertambahan penduduk bandar akan dibentangkan di dalam bab ini.
- 4.2 Jelas bahawa perkadaran penduduk bandar yang tinggi bukan sahaja disebabkan oleh pertambahan semulajadi dan aliran migrasi, tetapi sebahagian besarnya disebabkan oleh kemasukan kawasan tepubina. Jadual 4.1 menunjukkan bahawa kira-kira seorang daripada setiap empat orang yang mendiami kawasan bandar di Malaysia, tinggal di kawasan tepubina. Dengan menggunakan definisi kawasan bandar tahun 1991 kepada Banci 1980, kajian menunjukkan bahawa perkadaran yang tinggi ini adalah disebabkan oleh pertumbuhan penduduk kawasan tepubina yang lebih pesat daripada kawasan teras bandar akibat aliran masuk penduduk dari kawasan luar bandar dan juga kawasan teras bandar berkenaan. Kadar pertumbuhan penduduk tahunan purata kawasan tepubina di antara tahun 1980 dan 1991 adalah 17.5 peratus, berbanding dengan pertumbuhan penduduk bagi kawasan teras bandar sebanyak 3.0 peratus.

Jadual 4.1: Perubahan penduduk dalam kawasan bandar, Malaysia, 1980-1991

Kawasan	Bilangan (ribu)		Taburan peratus		Kadar pertumbuhan tahunan purata (peratus)
	1980 ⁺	1991	1980	1991	1980-1991
Jumlah kawasan bandar	5,098.1	8,898.6	100	100	5.1
Kawasan teras	4,764.1	6,621.3	93	74	3.0
Kawasan tepubina	334.0	2,277.3	7	26	17.5

Nota: + Berasaskan kepada definisi kawasan bandar tahun 1991.

- 4.3 Walaupun telah dijelaskan bahawa kemasukan tepubina di dalam kawasan bandar pada Banci 1991 merupakan salah satu punca utama pertumbuhan bandar di sepanjang tempoh antara banci terbaru tahun 1980-1991, namun begitu, kepentingan relatif komponen-komponen lain juga harus diberi perhatian. Sedikit pemahaman mungkin boleh diperolehi dengan melihat pola bagi komponen-komponen pertumbuhan penduduk bandar di Semenanjung Malaysia untuk tempoh 1980-1991 (Jadual 4.2). Bagaimanapun disebabkan kekurangan data perangkaan penting di Sabah dan Sarawak, kajian ini tidak dapat dilakukan di Malaysia secara keseluruhan.


Jadual 4.2: Komponen-komponen pertumbuhan penduduk bandar, Semenanjung Malaysia, 1947-1991*

Tempoh	Perubahan dalam penduduk bandar (ribu)	Peratus perubahan disebabkan oleh:		
		Pertambahan semulajadi	Pengelasan semula bersih	Migrasi bersih
1947-1957	725.5	34.9	33.4	31.7
1957-1970	887.3	60.6	21.3	18.1
1970-1980	1,543.2	56.1	38.7	5.2
1980-1991	3,395.7	52.3	37.4	10.3

Nota: * Untuk tujuan perbandingan, had penduduk minimum telah disesuaikan kepada 10,000 orang di mana-mana yang boleh dipakai untuk mendefinisikan kawasan bandar.

- 4.4 Secara keseluruhannya, komponen utama pertumbuhan penduduk bandar di Semenanjung Malaysia bagi tempoh 1980-1991 sebahagian besarnya disebabkan oleh pertambahan semulajadi yang telah menyumbang sebanyak 52 peratus. Pengelasan semula bersih pula menyumbang sebanyak 37 peratus. Kawasan pengelasan semula bersih ini adalah termasuk bandar-bandar dan kawasan-kawasan yang diperluaskan kepada kawasan diwartakan yang sedia ada yang mana telah dikelaskan semula sebagai kawasan bandar. Ia juga meliputi kawasan tepubina yang bersempadan dengan kawasan teras bandar yang didefinisikan semula sebagai kawasan bandar dalam Banci 1991. Pengelasan semula bersih ini adalah merupakan kesan bersih bagi kawasan luar bandar yang telah dinaikkan taraf kepada bandar dan kawasan-kawasan bandar yang dikeluarkan daripada kelas hierarki bandar menjadi luar bandar. Berbanding dengan kajian yang serupa yang dibuat bagi tempoh 1970-1980, adalah didapati bahawa perbezaan dari segi sumbangan ke atas peningkatan penduduk kawasan bandar yang disebabkan oleh pengelasan semula bersih adalah kecil meskipun dengan kemasukan kawasan tepubina ke dalam definisi yang baru. Migrasi bersih menunjukkan peningkatan yang tinggi iaitu sebanyak 10 peratus dalam tempoh 1980-1991 berbanding hanya lima (5) peratus dalam tempoh 1970-1980 seperti di tunjukkan di Rajah 4.1. Ini disebabkan oleh faktor migran yang berterusan menduduki di persekitaran kawasan teras bandar.

Rajah 4.1: Komponen-komponen bagi pertumbuhan penduduk bandar, Semenanjung Malaysia, 1947-1991



- 4.5 Satu kajian telah dibuat untuk mengekalkan dua subsektor kawasan bandar, iaitu kawasan teras dan kawasan yang dikelaskan semula antara dua banci, bagi mengkaji komponen-komponen tersebut secara berasingan di dalam setiap subsektor. Dengan menjadikan kawasan-kawasan tersebut tetap, keadaan ini boleh memberikan penghasilan kepada komponen-komponen yang disebabkan oleh pertambahan semulajadi dan migrasi bersih. Jadual 4.3 menunjukkan komponen pertumbuhan penduduk bandar di kawasan teras bandar dan kawasan yang dikelaskan semula masing-masing bagi tempoh 1970-1980 dan 1980-1991. Bagaimanapun, kepentingan komponen-komponen tersebut secara relatifnya berbeza bagi setiap subsektor. Hasil daripada penguraian kajian di atas menunjukkan bahawa pertambahan semulajadi merupakan komponen utama di kawasan teras bandar, manakala di kawasan yang dikelaskan semula pula migrasi bersih adalah faktor yang terpenting. Bagaimanapun, arah aliran migrasi di kawasan teras adalah

berbeza jika dibanding dengan kawasan yang dikelaskan semula. Angka-angka di Jadual 4.3 menunjukkan adanya pengaliran keluar bersih penduduk dari kawasan teras, sementara kawasan yang dikelaskan semula mengalami pengaliran masuk bersih penduduk. Ini jelas menunjukkan bahawa terdapat kecenderungan yang tinggi dikalangan penduduk untuk menetap di kawasan pinggir dan kawasan tepubina yang bersempadan dengan kawasan bandar teras. Perkadaran yang ditunjukkan di dalam ruangan pengelasan semula bersih untuk kawasan teras bandar bagi tempoh 1970-1980 adalah disebabkan oleh terdapatnya sesetengah bandar yang telah diturunkan tarafnya daripada kawasan bandar kepada kawasan luar bandar dalam tempoh antara banci tersebut.

Jadual 4.3: Komponen-komponen pertumbuhan penduduk bandar mengikut subsektor, Semenanjung Malaysia, 1970-1980 dan 1980-1991

Subsektor	Penduduk		Perubahan penduduk	Perubahan penduduk disebabkan oleh:		
	1970	1980		Pertambahan semulajadi	Pengelasan semula bersih	Migrasi bersih
	Bilangan (ribu)					
	1970	1980	1970-1980			
Kawasan teras	2,529.9	2,873.2	343.3	691.1 (201.3%)	-10.7 (-3.1%)	-337.1 (-98.2%)
Kawasan pengelasan semula	[608.2]	1,199.8	591.6	175.0 (29.6%)	:	416.7 (70.4%)
	1980	1991	1980-1991			
Kawasan teras	4,283.5	5,108.4	824.9	1,365.6 (165.5%)	-	-540.6 (-65.5%)
Kawasan pengelasan semula	[1,270.0]	2,570.8	1,300.8	411.3 (31.6%)	:	889.5 (68.4%)

Nota: Angka-angka di dalam kurungan Bersegi empat menunjukkan penduduk dalam kawasan yang tidak didefinisikan sebagai kawasan bandar dalam banci-banci yang berkenaan tetapi telah diklasifikasikan semula sebagai penduduk kawasan tersebut dalam banci-banci yang berikutnya.

- 4.6 Memandangkan migrasi merupakan satu komponen penting bagi kawasan yang dikelaskan semula, maka terdapat keperluan untuk menganalisis selanjutnya tentang bandingan saiz aliran migrasi di antara dan di dalam kawasan yang membentuk migrasi bersih bagi kawasan-kawasan ini. Aliran migrasi di dalam kawasan terdiri daripada migrasi di antara dua subsektor dalam kawasan bandar, sementara aliran migrasi di antara

kawasan pula adalah pergerakan di antara subsektor dan kawasan luar bandar. Begitu juga, adalah lebih baik untuk menganalisis penguraian aliran keluar bersih yang besar dari kawasan teras dan bagi mengetahui sama ada pengaliran keluar penduduk dari kawasan teras menuju terutamanya ke kawasan yang dikelaskan semula atau ke kawasan luar bandar.

Jadual 4.4: Aliran migrasi mengikut subsektor, Semenanjung Malaysia, 1986-1991

Kawasan berasal	Kawasan destinasi		
	Kawasan teras	Kawasan pengelasan semula	Kawasan luar bandar
	Bilangan (ribu)		
Kawasan teras	109.8	412.9	324.0
Kawasan pengelasan semula	94.6	129.2	71.2
Kawasan luar bandar	246.9	119.8	661.0

- 4.7 Oleh kerana maklumat tentang migrasi bagi tempoh 1980-1991 tidak dipungut dalam Banci tahun 1991, data terbaru tentang migrasi daripada Banci ini, iaitu bagi tempoh 1986-1991 boleh memberikan sedikit sebanyak maklumat tentang fenomena ini. Jadual 4.4 menunjukkan aliran migrasi di antara dua subsektor kawasan bandar, iaitu kawasan teras dan kawasan yang dikelaskan semula, dan kawasan luar bandar di Semenanjung Malaysia. Dapat diperhatikan bahawa aliran masuk migran adalah terutamanya ke kawasan yang dikelaskan semula. Migrasi dari kawasan teras ke kawasan yang dikelaskan semula dalam tempoh 1986-1991 adalah berjumlah 412.9 ribu orang. Sebaliknya migrasi dari kawasan pengelasan semula ke kawasan teras hanya berjumlah 94.6 ribu orang. Keadaan ini menghasilkan satu pengaliran masuk bersih seramai 318.3 ribu orang ke kawasan yang dikelaskan semula. Keadaan yang sama juga ditunjukkan oleh kemasukan dari kawasan luar bandar ke kawasan yang dikelaskan semula yang menghasilkan pengaliran masuk bersih berjumlah 48.6 ribu orang. Sebaliknya, analisis ke atas pergerakan di antara kawasan teras dan kawasan luar bandar menunjukkan satu pengaliran keluar bersih seramai 77.1 ribu orang dari kawasan teras dalam tempoh masa yang sama. Oleh itu, pengaliran keluar bersih ini mengesahkan kenyataan bahawa penduduk bandar menunjukkan kecenderungan yang lebih tinggi untuk bergerak ke pinggir-pinggir pusat bandar teras, iaitu ke kawasan yang dikelaskan semula serta kawasan luar bandar.

Jadual 4.5: Komponen-komponen pertumbuhan penduduk bandar mengikut negeri, Semenanjung Malaysia, 1980-1991

Negeri	Perubahan penduduk bandar, 1980-1991 (ribu)	Peratus perubahan disebabkan oleh:		
		Pertambahan semulajadi	Pengelasan semula bersih	Migrasi bersih
Johor	433.1	51.8	26.5	21.7
Kedah	181.2	72.5	33.0	-5.4
Kelantan	154.5	67.7	28.5	2.8
Melaka	89.8	53.3	65.5	-18.7
Negeri Sembilan	111.3	55.3	29.0	15.7
Pahang	116.3	54.7	25.0	20.4
Perak	418.2	49.9	66.2	-16.1
Perlis	35.9	38.8	55.8	5.3
Pulau Pinang	370.5	36.6	67.5	-4.1
Selangor	1,143.8	37.0	31.2	31.8
Terengganu	115.5	82.0	22.7	-4.6
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	225.7	118.5	1	-18.5
Semenanjung Malaysia	3,395.7	52.3	37.4	10.3

- 4.8 Ketiga-tiga komponen pertumbuhan penduduk bandar bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia ditunjukkan dalam Jadual 4.5. Pada amnya, komponen utama pertumbuhan penduduk bandar di antara negeri-negeri sebahagian besarnya adalah disumbangkan oleh pertumbuhan semulajadi dan pengelasan semula bersih. Sementara faktor migrasi memainkan peranan yang kecil sahaja di dalam pertumbuhan penduduk kawasan bandar di Malaysia. Sesuatu yang menarik dapat diperhatikan ialah negeri-negeri yang secara amnya mengalami penghijrahan keluar juga merekodkan pengaliran keluar bersih penduduk dari kawasan bandar. Arah aliran ini diperhatikan berlaku bagi kedua-dua tempoh antara banci 1970-1980 dan 1980-1991.

BAB 5

PENDUDUK BANDAR MENGIKUT KELAS SAIZ

- 5.1 Bab ini memperlihatkan penduduk bandar mengikut kelas saiz penduduk yang masih menjadi subjek perbincangan yang menarik di kalangan para perancang bandar. Pertambahan bilangan pusat-pusat bandar dan pertumbuhan penduduk bandar bagi setiap kelas saiz penduduk mempunyai implikasi sosioekonomi dari segi penyediaan perumahan yang mencukupi, kemudahan sanitari dan kemudahan asas, pembuangan sampah, kesihatan dan pendidikan, pengangkutan awam serta infrastruktur-infrastruktur lain.
- 5.2 Jadual 5.1 menggariskan perubahan bilangan bandar mengikut kelas saiz penduduk sepanjang tempoh antara banci 1980-1991. Majoriti daripada pekan-pekan telah meningkat ke hierarki bandar, iaitu dengan bergerak ke tingkat yang lebih tinggi dalam klasifikasi saiz. Semasa tempoh antara banci, sebanyak 55 buah pekan luar bandar telah berpindah ke strata bandar, sementara dua buah bandar yang diwartakan telah diwujudkan dan masing-masing dikelaskan di bawah kategori penduduk 25,000-74,999 dan 10,000-24,999. Ini menghasilkan pertambahan yang besar dalam bilangan pusat-pusat bandar daripada 72 buah dalam tahun 1980 kepada 129 buah dalam tahun 1991.

Jadual 5.1: Perbandingan bilangan pusat bandar mengikut kelas saiz penduduk, Malaysia, 1980 dan 1991

Kelas saiz penduduk 1980	Kelas saiz penduduk 1991			Kesemua kawasan bandar 1980
	75,000 atau lebih	25,000 - 74,999	10,000 - 24,999	
75,000 atau lebih	1*	0	0	15
25,000 - 74,999	12	5	1	18
10,000 - 24,999	1	18	20	39
1,000 - 9,999	0	7	28	
2,500 - 4,999	0	2	15	
1,000 - 1,999	0	0	2	
Kawasan diwaratkan 1,000		1	0	
Kawasan tidak diwaratkan	0	0	1	
Kesemua kawasan bandar 1991	13	12	67	

- 5.3 Taburan penduduk bandar di Malaysia pada tahun 1991 boleh diringkaskan dalam Jadual 5.2, yang memberikan perbandingan perkadaran penduduk bandar mengikut kelas saiz penduduk dengan situasi pada Banci 1980. Bilangan bandar dalam kelas saiz penduduk 75,000 dan lebih bertambah dua kali ganda bilangannya dalam tempoh antara banci. Fenomena ini adalah hasil daripada perubahan definisi dan juga pertumbuhan penduduk yang disebabkan oleh migrasi. Satu perkara yang menarik dapat diperhatikan ialah walaupun lebih separuh daripada penduduk Malaysia (54 peratus) tinggal di bandar-bandar dalam kelas saiz penduduk 150,000 orang dan lebih, Malaysia tidak mengalami kemunculan satu bandar mega (*megacity*) yang dominan di dalam corak pembandaran. Ini kerana taburan penduduk bandar di Malaysia adalah merata-rata dan tidak tertumpu di satu atau dua bandar raya utama sahaja.

